

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26 April 2017

SOALAN

Puan Hajah Rahemah binti Idris minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan strategi dan program bagi meningkatkan ekonomi penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) supaya penerima bantuan tersebut dapat keluar dari kepompong kemiskinan dan juga statistik terkini penerima bantuan yang telah berjaya keluar daripada status kemiskinan.

JAWAPAN

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), sentiasa memberikan perhatian terhadap usaha membantu kumpulan sasar yang memerlukan bukan sahaja dari aspek pemberian bantuan kewangan malah turut memberi fokus kepada program-program bagi meningkatkan ekonomi penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) agar mampu keluar dari kepompong kemiskinan. KPWKM melalui JKM berusaha membantu penerima bantuan agar berdikari melalui penglibatan aktif dalam bidang keusahawanan melalui pendekatan productive welfare dengan pemberian Bantuan Geran Pelancaran (BGP) dengan kadar RM2700 sekaligus. Dari tahun 2010 hingga 2016 seramai 5,757 orang telah menerima manfaat BGP dengan implikasi kewangan sebanyak RM19.94 juta. Daripada Jumlah tersebut seramai 3,451 orang telah mampu menjana pendapatan melebihi RM300 sebulan daripada pendapatan sedia ada. Dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK-11) di bawah projek bukan fizikal, KPWKM melalui JKM juga memberi fokus kepada pemerkasaan dan pembangunan modal insan melalui 2 Years Exit Programme (2YEP). Melalui program ini, penerima bantuan produktif dibimbing selama tempoh dua tahun agar mampu berdikari serta menjana pendapatan melepasi pendapatan garis kemiskinan (PGK) dan hidup tanpa bergantung kepada bantuan JKM sebagai saraan hidup. Penerima bantuan juga dibantu agar terlibat dalam program-program pembangunan kapasiti di kalangan penerima bantuan wanita melalui Program I-KIT dan I-KeuNita di bawah kelolaan Jabatan pembangunan Wanita. Kedua-dua program tersebut menggunakan konsep inkubator atau hand holding (latih dan bimbing) di mana kumpulan sasar yang terlibat akan diberikan latihan kemahiran dan penyeliaan yang rapi agar mereka mampu menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup mereka sekeluarga berbekalkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi. Program I-KIT dan I-KeuNita adalah merangkumi bidang seperti jahitan, kecantikan, pembuatan pastri dan asuhan kanak-kanak. Statistik terkini penerima bantuan yang telah berjaya keluar daripada status kemiskinan bagi tahun 2016 ialah seramai 6,362 orang kerana telah mampu berdikari dan memperolehi pendapatan isi rumah melepasi PGK. Manakala bagi program 2YEP yang telah dilaksanakan secara rintis di Negeri Sembilan dan Perlis bagi tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 24.4% (122 orang) daripada 500 peserta yang terlibat telah ditamatkan bantuan kerana telah berjaya menjana pendapatan melebihi PGK dan telah mampu berdikari tanpa bantuan JKM.

